

## KANDUNGAN

Lambang Kayu Salib. . . . .	2
Pendapat tentang Kayu Salib . . . . .	3
Kehinaan Kayu Salib . . . . .	5
Kerumitan Kayu Salib . . . . .	7
Penyelesaian Kayu Salib . . . . .	11
Prinsip-Prinsip Kayu Salib . . . . .	12
Hasil Kayu Salib. . . . .	19
Pertentangan dalam Kayu Salib . . . . .	21
Latar Belakang Kayu Salib . . . . .	28
Kata-Kata Dari Kayu Salib . . . . .	32
Pendakwaan Kayu Salib . . . . .	33
Panggilan Kayu Salib . . . . .	35
Kepuasan Kayu Salib . . . . .	37

# MENGAPA KRISTUS HARUS MATI?

**T**idakkah Dia dapat melakukan lebih banyak jika Dia terus menjalani hidup yang memuaskan dan bahagia? Bayangkan semua orang yang dapat disembuhkan-Nya, pengajaran yang dapat disampaikan-Nya, dan masalah yang dapat diselesaikan-Nya. Mengapakah Dia ingin dan harus mati? Mengapakah Dia tidak membela diri di mahkamah demi keluarga-Nya, para pengikut-Nya, dan semua orang yang mengagumi Dia?

Buku kecil ini, hasil tulisan para penulis staf, mengkaji alasan yang diberi di dalam Alkitab tentang sebabnya Kristus merancang dan mengizinkan kematian-Nya sendiri.

*Martin R. De Haan II*

Penterjemah: Stemmah Sariau  
Buku Asli: *Why Did Christ Have To Die?*

Editor: Stemmah Sariau, Lydia Ng  
Foto Kulit: Terry Bidgood

Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik, © 1996 Bible Society of Malaysia.

© 2009 RBC Ministries, Grand Rapids, Michigan. Hak Cipta Terpelihara. Dicetak di Malaysia

## LAMBANG KAYU SALIB

**B**olehkah anda bayangkan tindak balas orang ramai sekiranya satu kumpulan agama memakai kerusi elektrik sebagai lambangnya? Bayangkan bagaimana rasanya melihat imej sebuah kerusi elektrik tergantung di atas tempat ibadat mereka, atau imej itu menjadi barang kemas yang dipakai sebagai kalung.

Namun, itulah yang berlaku dengan salib. Kayu salib ialah alat untuk menjatuhkan hukuman mati. Penyaliban adalah cara orang Roma menjatuhkan hukuman mati kepada penjenayah yang paling jahat. Hukuman itu sangat mengerikan—lebih dahsyat daripada bilik gas, hukuman tembak, atau tali gantung sekalipun.

Mengapa pula orang Kristian sangat

memperhatikan hukuman yang menghina dan menyeksa di khalayak ramai? Mengapakah orang Kristian mengagungkan lambang kematian ini? Adakah mereka sedar tentang apa yang dilakukan oleh mereka?

---

*Salib telah dipakai  
sebagai barang  
kemas keagamaan  
dengan berleluasa  
... sehingga banyak  
daripada maksud  
dan kengeriannya  
yang asal  
sudah hilang.*

---

Sering kali jawapannya seolah-olah tidak. Bahkan orang Kristian pun gagal menyedari kesan daripada salib itu. Salib telah dipakai sebagai barang kemas keagamaan dengan

berleluasa, sebagai lambang kasih dan pengharapan, bahkan sebagai lambang nasib baik sehingga banyak daripada maksud dan kengeriannya yang asal sudah hilang. Salib sudah diterima secara umum sehingga orang yang memakai imej ini sebagai kalung bukan hanya pengikut setia Kristus, tetapi juga pemuzik rock yang lantang.

## **PENDAPAT TENTANG KAYU SALIB**

**O**leh itu, apakah pendapat orang tentang salib? Dengan lebih khusus lagi, apakah pendapat mereka tentang salib, sekiranya ia berhubung dengan Kristus? Itulah asal-usul lambang itu dan sebenarnya, itulah permulaan perbincangan ini. Mengapakah kehidupan yang begitu baik harus

ditamatkan dengan begitu sengsara? Apakah yang difikirkan-Nya? Apakah yang sepatutnya kita fikirkan sekarang? Berikut adalah beberapa penjelasan yang diberi oleh orang tentang kematian Kristus.

### **“Kematian-Nya adalah contoh tidak menentang.”**

Ada sebilangan orang berpendapat bahawa ketika Yesus mati di kayu salib, Dia memberi kita contoh yang terbaik tentang bagaimana hidup di dunia yang ganas dan kejam. Mereka berkata bahawa kematian-Nya menunjukkan bagaimana berjaya dalam hidup dengan begitu tabah sehingga membiarkan orang lain memperlakukan diri-Nya dengan sesuka hati.

**“Kematian-Nya bererti apa saja yang anda inginkan.”** Orang yang mengambil pendekatan

ini pada umumnya percaya bahawa Kristus sebenarnya tidak berjaya melakukan apa-apa ketika Dia mati di kayu salib. Oleh sebab kematian-Nya telah menjadi sebahagian besar daripada kehidupan kita, maka ini boleh digunakan sebagai lambang bagi banyak perkara yang berlainan.

---

*“Ya Bapa,  
ampunilah mereka  
kerana mereka  
tidak tahu apa yang  
dilakukan mereka.”*

Yesus, dari kayu salib

---

---

**“Kematian-Nya tidak mempunyai makna sebenar.”** Ada orang berkata bahawa kepentingan kedatangan Kristus adalah dalam hidup-Nya—bukan dalam kematian-Nya. Mereka percaya bahawa Dia datang

untuk menjalani hidup yang sempurna di bumi agar kita tahu sifat Tuhan. Tetapi itu saja tujuan Tuhan untuk mengutus Kristus. Menurut mereka, kematian-Nya tiada hubungan dengan misi-Nya di bumi.

**“Kematian-Nya melambangkan kegagalan.”** Orang yang berpandangan begini berkata bahawa Yesus mempunyai rancangan yang mulia dan sejagat di bumi, tetapi Dia mati sebelum Dia dapat melaksanakannya. Misi-Nya

---

*Sesetengah orang  
percaya bahawa  
misi Kristus di bumi  
tergendala apabila  
Dia disalibkan.*

---

---

tergendala apabila askar-askar Roma memakukan Dia pada kayu salib seperti penjenayah biasa. Apabila

Kristus mati, golongan orang ini berkata bahawa itu menyatakan kegagalan-Nya.

## KEHINAAN KAYU SALIB

**S**ebilangan orang melihat kebaikan yang amat banyak dalam kayu salib sehingga mereka tidak sedar bahawa salib adalah alat kematian yang sangat mengerikan. Tetapi bagi orang lain, kayu salib amat menyinggung perasaan sehingga mereka gagal melihat nilainya.

Rasul Paulus mengatakan bahawa memang begitulah keadaannya. Ketika menulis kepada orang Kristian di Korintus, dia berkata:

*Tetapi kami mengisytiharkan Kristus yang disalibkan. Berita itu menyinggung perasaan orang Yahudi, dan dianggap suatu kebodohan oleh orang bukan Yahudi*

*(1 Korintus 1:23).*

Kenyataan para rasul bahawa Yesus ialah Mesias yang sudah lama ditunggu hampir mustahil diterima oleh orang Yahudi. Bagi mereka untuk mempercayai Mesias mati di kayu salib adalah sesuatu yang tidak dapat dibayangkan—terutama sekali dengan kenyataan Perjanjian Lama bahawa sesiapa yang mati tergantung pada kayu adalah dikutuk oleh Tuhan (Ulangan 21:23). Kayu salib sangat menyinggung perasaan mereka.

---

***“Bagi orang yang menuju kebinasaan, berita tentang kematian Kristus pada kayu salib itu tidak bererti apa-apa.”***

***1 Korintus 1:18***

---

Orang bukan Yahudi pun merasa tersinggung oleh kayu salib. Dalam pendapat mereka, kayu salib adalah kebodohan. Mereka merasa bahawa pemikiran lojik dan kehidupan yang baik dapat menyenangkan hati dewa-dewa. Mereka tidak percaya pada kematian sia-sia seorang dari Galilea yang tidak begitu dikenali.

Dan bagaimana pula dengan orang pada masa kini? Adakah kayu salib masih menyinggung perasaan mereka? Adakah orang masih tersandung dengan pemberitaannya yang terus-terang?

- Jawapannya adalah ya, jika falsafah mereka tidak merangkumi hakikat dosa dan keperluan umat manusia akan Penyelamat!
- Ya! Jika mereka mengharapkan kehidupan salih dan akhlak tinggi boleh mendapat restu Tuhan.

- Ya! Jika mereka mengharapkan restu Tuhan kerana warisan bangsa atau nama keluarga.
- Ya! Jika mereka berfikir Tuhan amat mengasihi mereka sehingga tidak sanggup menghukum manusia atas kesalahan mereka.

Pemberitaan kayu salib, iaitu seperti “kerusi elektrik” abad pertama, akan menyinggung perasaan mereka.

Bagaimanapun, apa yang kita perlu sedar adalah kayu salib bukan hanya sesuatu yang sukar dipikul dalam kehidupan. Sebenarnya, kayu salib memungkinkan kehidupan diteruskan. Pada hakikatnya, kayu salib telah menyelesaikan keadaan serba salah yang paling rumit pada sepanjang masa.

## KERUMITAN KAYU SALIB

**K**ayu salib menyelesaikan dua keadaan serba salah yang rumit—satu dari sudut pandangan Tuhan dan satu lagi dari sudut pandangan manusia. Semua ibu bapa boleh memahami keadaan serba salah apabila mereka tidak ingin mengajar anak yang ingkar dengan disiplin yang menyakitkan, tetapi pada masa yang sama, anda akan menyedari bahawa ibu bapa tidak boleh asyik menutup mata sebelah atau bersikap acuh tak acuh terhadap kelakuan buruknya.

Apakah yang harus anda lakukan? Anda mengasihi anak kecil itu. Tetapi dia juga terang-terang tidak taat kepada anda, dan sekarang dia berbohong kepada anda untuk cuba menutupi perbuatannya. Tentu anda mengasihi dia.

Tetapi anda juga tahu anda tidak boleh membiarkan masalah itu. Anak itu harus dihukum—dan anda harus melakukannya.

Akibat dosa kita pasti lebih rumit daripada itu. Tetapi ada juga beberapa persamaan. Oleh sebab Tuhan ialah Tuhan yang suci, Dia tidak boleh membiarkan dosa kita begitu saja. Namun, kerana Dia Tuhan yang pengasih, Dia tidak rela membiarkan kita menanggung akibat dosa kita.

Satu lagi gambaran yang mungkin boleh membantu kita melihat kerumitannya ialah dari sudut pandangan manusia. Bayangkan satu kumpulan orang terperangkap di atas bumbung sebuah bangunan tinggi yang sedang terbakar. Satu-satunya jalan untuk selamat adalah melompat ke bumbung bangunan yang lain—30 kaki jauhnya! Dalam keadaan cemas, orang cuba

***Oleh sebab Tuhan  
ialah Tuhan yang  
suci, Dia tidak boleh  
membiarkan dosa  
kita begitu sahaja.  
Namun, kerana  
Dia Tuhan yang  
pengasih, Dia tidak  
rela membiarkan kita  
menanggung akibat  
dosa kita.***

membuat lompatan yang mustahil. Ada beberapa orang melompat lebih jauh daripada orang lain, tetapi mereka semua jatuh dan mati.

Demikian juga keadaan manusia yang tidak berdaya di hadapan Tuhan. Dosa kita memisahkan kita daripada Tuhan yang suci, perpisahan yang tidak boleh dirapatkan dengan apa pun yang kita lakukan. Kita memang tidak boleh menyelamatkan diri

sendiri. Tetapi kasih Tuhan menyediakan jalan: kayu salib Kristus.

Kita boleh menggambarkan kerumitan itu dengan gambar rajah berikut:

<b>Suci</b>	<b>TUHAN</b>	<b>Pengasih</b>
<b>Berdosa</b>	<b>ORANG</b>	<b>Tak Berdaya</b>

Keperluan bagi pokok di Kalvari boleh disusun kembali pada sebatang pokok yang terdahulu. Semua masalah kita bermula apabila nenek moyang kita yang pertama makan buah pokok pengetahuan tentang apa yang baik dan apa yang jahat dengan sengaja dan bersikap memberontak. Tuhan telah berkata bahawa Adam dan isterinya akan mati jika mereka makan



buah pokok tersebut. Dan memang mereka mati. Sejak masa itu, tiada lagi orang seperti manusia yang dicipta pada mulanya. Sejak itu, anak-anak Adam dilahirkan dalam keadaan bernafas secara jasmani tetapi mati secara rohani. Bukan sahaja firdaus lenyap, tetapi kesucian manusia yang mula-mula pun hilang.

---

***Dosa kita  
memisahkan  
kita daripada  
Tuhan yang suci,  
perpisahan yang  
tidak boleh  
dirapatkan dengan  
apa pun yang  
kita lakukan.***

---

Setiap anak yang dilahirkan, bermula di taman Eden sampai hari ini telah membuktikan

bahawa kesucian sudah hilang. Pada mulanya, manusia diciptakan untuk berjalan bersama-sama Tuhan, tetapi sejak itu manusia telah mewarisi sifat yang menyebabkan dia melupakan Tuhan, membenci orang sesamanya, dan menjalani hidup yang membawa kebinasaan pada diri sendiri. Oleh sebab itu, Daud, raja Israel menulis, "Aku jahat sejak aku dilahirkan; aku berdosa sejak aku dalam kandungan" (Mazmur 51:7).

---

***Tiada  
kemajuan diri  
atau perbuatan baik  
boleh mendapatkan  
semula apa  
yang dihilangkan  
oleh Adam.***

---

Dan Rasul Paulus menulis, “Dosa masuk ke dalam dunia melalui satu orang, dan dosa orang itu membawa kematian” (Roma 5:12) dan “kematian adalah upah dosa” (Roma 6:23). Di dalam satu surat lain dia menulis, “semua orang mati kerana tergolong satu dengan Adam” (1 Korintus 15:22).

Ini adalah keadaan kita. Apabila Adam mengikut jalan iblis, dia tidak hanya menyakiti dirinya sendiri. Ketika dia makan buah pokok itu dan melanggar perintah Penciptanya, kematian rohani dan jasmani melanda segenap manusia. Kini hal yang sama berlaku pada kita. Ini dibuktikan dengan perbuatan dosa kita terhadap Tuhan pada bila-bila kita ada peluang untuk melakukannya.

Lagipun, kita tidak dapat melakukan apa-apa untuk menyelamatkan diri. Tiada kemajuan diri

atau perbuatan baik boleh mendapatkan semula apa yang dihilangkan oleh Adam. Nabi Yesaya melihat perkara ini dengan jelas, kerana dia mengatakan bahawa usaha kita yang terbaik pun kotor dan najis (Yesaya 64:6). Lama setelah itu, rasul Paulus mengungkapkan kesedaran yang sama (Efesus 2:8-9). Kata-katanya mengingatkan kita bahawa tiada seorang pun dapat menarik dirinya sendiri kepada Tuhan dengan usaha sendiri.

Ini adalah berita buruk. Tetapi Alkitab, buku yang paling boleh dipercayai di dunia, mengaku perkara ini benar. Kita dilahirkan ke dunia ini dalam keadaan mati secara rohani. Kita dilahirkan dengan terpisah daripada Tuhan. Kita dilahirkan ke dalam dunia yang mati secara fizikal dan rohani, dan kecuali ada sesuatu yang berlaku, kalau tidak, kita akan

---

*Alkitab  
memberitahu kita  
bahawa tiada satu  
pun yang kita  
boleh lakukan di  
dunia ini dapat  
menyelamatkan  
diri kita.*

---

menjalani kehidupan yang memberontak terhadap Tuhan. Kecuali ada sesuatu yang berlaku, kalau tidak, kita pasti menghadapi hukuman Tuhan—kematian kedua, ke lautan api yang dicipta untuk iblis dan semua roh jahat.

Dan jika semua itu belum cukup, Alkitab memberitahu kita bahawa tiada satu pun yang kita boleh lakukan di dunia ini dapat menyelamatkan diri kita. Tentu sekali kita memerlukan pertolongan. Kita perlu diselamatkan.

Kita perlu dilepaskan daripada kesalahan dan belenggu kita—sebelum terlambat sampai selamanya.

## **PENYELESAIAN KAYU SALIB**

**S**emasa Adam dan Hawa berdosa, Tuhan boleh saja menghukum mati mereka dengan serta-merta. Dan Dia masih berlaku adil dengan berbuat demikian, kerana sifat suci-Nya menuntut agar ketidaktaatan dihukum mati.

Namun, Tuhan tidak menjatuhkan hukuman mati atas ibu bapa pertama kita kerana Dia pengasih. Sebaliknya, Dia mencari mereka, membuat pakaian daripada kulit binatang untuk mereka, dan memberi mereka janji yang menakjubkan (Kejadian 3:15). Pada saat itu, Tuhan mengkhabarkan berita baik. Ya, berita baik adalah Tuhan sendiri menyelesaikan

keadaan serba salah yang rumit itu—kesucian-Nya diseimbangkan oleh kasih-Nya! Kasih telah mencari jalan. Kasih menemukan

---

*Tuhan menyediakan jalan untuk memperbaiki kerusakan teruk yang berlaku atas manusia di pokok yang pertama.*

---

satu pokok yang lain, iaitu kayu salib (Roma 5:6). Dalam hikmat Tuhan, Dia menyediakan jalan untuk memperbaiki kerusakan teruk

Suci	TUHAN	Pengasih
	KRISTUS	
Berdosa	ORANG	Tak Berdaya

yang berlaku atas manusia di pokok yang pertama.

Pokok di Taman Eden kini diganti oleh kayu salib. Dan di pokok penghinaan itu, kebaikan menang atas kejahatan. Kasih Tuhan menang atas penghukuman. Penyelamatan sudah selesai. Misi tersebut sudah berjaya. Keadaan serba salah yang rumit itu sudah diselesaikan.

## PRINSIP-PRINSIP KAYU SALIB

**B**agaimana Tuhan melakukannya? Apakah yang dilihat-Nya pada pokok buruk, tempat pelaksanaan hukuman mati itu? Apakah yang terjadi apabila Anak tunggal-Nya yang dikasihi berlumuran darah, meronta, berseru, “Sudah selesai,” lalu menyerahkan nyawa-Nya?

Marilah melihat dua prinsip penyelesaian yang mengakhiri keadaan serba

salah yang disebabkan oleh dosa dan kita yang tidak berdaya, serta kesucian dan kasih Tuhan: (1) prinsip korban yang layak, dan (2) prinsip penggantian yang perlu.

**PRINSIP I:  
Kayu salib  
menyediakan  
korban yang layak.**

<b>Suci</b>	<b>TUHAN</b>	<b>Pengasih</b>
<b>Korban</b>	<b>KRISTUS</b>	<b>Korban</b>
<b>Berdosa</b>	<b>ORANG</b>	<b>Tak Berdaya</b>

Pengampunan tidak dapat diperoleh tanpa kematian korban (Ibrani 9:22). Melalui kematian-Nya di kayu salib, Yesus Kristus mempersembahkan korban yang layak kepada Tuhan bagi dosa semua manusia. Korban binatang di dalam

Perjanjian Lama sedikit pun tidak setanding dengan korban ini, kerana korban binatang tidak menghapuskan dosa.

Korban-korban dalam Perjanjian Lama harus dipersembahkan setiap hari. Binatang terus-menerus dibawa ke mazbah dan disembelih. Setiap hari yang baru membawa penyembelihan yang baru. Penulis surat Ibrani, dengan menghuraikan hakikat ini berkata, “Darah lembu jantan dan darah kambing tidak dapat menghapuskan dosa” (Ibrani 10:4).

Lagipun, korban-korban itu hanya bagi dosa yang dilakukan tanpa sengaja kerana tidak tahu, atau disebabkan kelemahan manusia (Imamat 4:2-7). Korban tidak boleh diberi bagi dosa yang dirancang atau disengaja pada zaman Perjanjian Lama. Itulah sebabnya ketika Daud bertaubat daripada dosa

zina dengan Batsyeba dan dosa membunuh Uria, dia tidak mempersembahkan apa-apa korban. Sebaliknya, dia datang kepada Tuhan dengan “hati yang remuk dan sesal” untuk mendapatkan pengampunan (Mazmur 51:16-17).

Dengan kematian-Nya di kayu salib, Tuhan Yesus menyediakan korban satu kali untuk selamanya bagi semua dosa kita (Ibrani 10:2).

---

***“Sebaliknya, sekarang pada zaman akhir ini Dia menunjukkan diri satu kali sahaja untuk selamanya, bagi menghapuskan dosa dengan mengorbankan diri-Nya sendiri.”***

**Ibrani 9:26**

---

---

Dialah korban yang layak dan sempurna. Pengorbanan-Nya memenuhi semua tuntutan Tuhan yang suci, dan memberikan penyelamatan kepada semua orang yang percaya kepada Kristus.

Pengorbanan-Nya layak atas sebab-sebab berikut:

- ***Dia menjadi anggota keluarga manusia.*** Dia benar-benar dapat mewakili kita (sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh malaikat) kerana Dia menjelma menjadi manusia.
- ***Dia menjalani kehidupan yang tidak berdosa.*** Apabila dicabar oleh pencubaan secara jasmani, mental, dan rohani, Yesus tidak berbuat dosa (Ibrani 4:15). Oleh itu, apabila Dia mati, Dia mati sebagai manusia yang sempurna. Kerana Dia tidak berdosa, Dia boleh mati bagi dosa kita.

- ***Dia tetap sebagai Tuhan.*** Walaupun Kristus menjadi manusia dengan sepenuhnya, Dia juga tetap mengekalkan ketuhanan-Nya. Dia bukan setengah Tuhan dan setengah manusia; Dia Tuhan sepenuhnya dan manusia sepenuhnya. Kebaikan-Nya memberi nilai kekal bagi korban-Nya, dan menjadikannya layak untuk membayar hukuman dosa semua umat manusia.

**PRINSIP 2:**  
**Kayu salib menyediakan pengganti yang perlu.**

Suci	TUHAN	Pengasih
Pengganti	KRISTUS	Pengganti
Berdosa	ORANG	Tak Berdaya

Yesus memikirkan penggantian apabila Dia memberitahu para pengikut-Nya bahawa Dia akan menyerahkan nyawa-Nya sebagai “penebusan untuk ramai orang” (Markus 10:45).

Sama ada mereka memahaminya atau tidak apabila Dia mengatakannya, para pengikut-Nya segera akan tahu bahawa Kristus merancang untuk menyerahkan nyawa-Nya sebagai ganti demi pembebasan sah mereka daripada dosa dan kesalahan. Di kayu salib, Kristus mati untuk menggantikan tempat mereka—dan tempat kita. Di Kalvari, Dia mengalami kematian yang kita semua sepatutnya lalui, dan Dia menanggung hukuman yang sepatutnya dikenakan pada kita. “Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal” (Yohanes 3:16). Oleh sebab kita tidak berdaya, Tuhan mengutus

Anak-Nya untuk menjadi pengganti kita kerana Dia mengasihi kita. Dia menyerahkan hidup-Nya untuk menggantikan kita, dan mati agar kita hidup (Yesaya 53:5-6; Roma 5:8; 1 Korintus 15:3; 2 Korintus 5:21; 1 Petrus 2:24; 3:18).

Ketika Yesus mengatakan bahawa Dia datang untuk menyerahkan hidup-Nya sebagai tebusan untuk ramai orang, mungkin para pendengar-Nya menyedari bahawa maksud-Nya adalah sistem persembahan korban bagi orang Yahudi. Sejak zaman kanak-kanak, mereka telah melihat domba, lembu atau burung merpati dibawa ke mazbah dan disembelih. Mereka tahu bahawa kematian binatang tersebut ada kaitannya dengan dosa mereka. Semasa mereka melihat imam meletakkan tangannya pada dahi binatang, mereka menyedari bahawa ini adalah lambang pemindahan kesalahan

daripada orang berdosa kepada binatang tersebut.

---

***Oleh sebab kita  
tidak berdaya,  
Tuhan mengutus  
Anak-Nya untuk  
menjadi pengganti  
kita kerana Dia  
mengasihi kita.  
Dia menyerahkan  
hidup-Nya untuk  
menggantikan kita,  
dan mati agar  
kita hidup.***

---

Kemudian, apabila mereka melihat binatang itu disembelih dan darahnya dipercikkan di sekeliling mazbah, mereka mengerti bahawa darah itu melambangkan penghapusan kesalahan mereka.

Prinsip yang sama tentang penggantian



ditunaikan kemudian oleh Peribadi yang disebut oleh Yohanes Pembaptis sebagai, “Lihatlah Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia!” (Yohanes 1:29).

---

***“Kristus  
dipersembahkan  
sebagai korban  
satu kali sahaja  
untuk menghapuskan  
dosa banyak orang.”***

**Ibrani 9:28**

---

Prinsip ini digambarkan oleh satu cerita daripada sejarah Amerika. Dalam satu suku kaum Indian, ada orang mencuri ayam. Penghulu mengumumkan bahawa jika pesalah itu ditangkap, dia akan disebat 10 kali. Apabila perbuatan mencuri masih berlaku, sebatan ditambah menjadi 20 sebatan. Namun, ayam

masih juga menghilang. Dengan marah, penghulu itu menambah hukuman menjadi 100 sebatan—hukuman mati yang pasti.

Pencuri itu akhirnya tertangkap. Tetapi penghulu itu menghadapi keadaan serba salah yang rumit sekali. Pencuri itu ialah ibunya sendiri!

Apabila hari penghukuman tiba, seluruh suku berkumpul. Adakah kasih penghulu mengatasi keadilannya? Orang ramai berdebar-debar apabila penghulu mengarah agar ibunya diikat pada sebatang tiang untuk disebat.

Penghulu itu menanggalkan bajunya, dan mendedahkan tubuhnya yang kuat, lalu mengambil sebat. Tetapi dia tidak mengangkat sebat itu untuk menjalankan sebatan pertama. Sebaliknya, dia memberi sebat itu kepada seorang pemuda yang kuat dan berani di sampingnya.

Dengan perlahan,

penghulu itu berjalan ke arah ibunya dan mendakap ibunya dengan tangan yang besar. Kemudian dia memerintah pemuda yang berani itu untuk menyebat dia sebanyak 100 kali.

Begitulah yang dilakukan oleh Yesus bagi kita. Kerana kasih, Dia menjadi pengganti kita dan mati ganti kita. Dia mengatasi ketidakmampuan kita untuk menyelamatkan diri sendiri, dengan mengorbankan diri demi dosa kita. Dalam gambaran tadi, hidup seorang ibu diteruskan kerana anak lelakinya mengasihi dia dan

---

*Kristus mengatasi ketidakmampuan kita untuk menyelamatkan diri sendiri, dengan mengorbankan diri demi dosa kita.*

---

menggantikan tempatnya. Bagi kita, kehidupan kekal diberikan melalui kematian Kristus yang menggantikan tempat kita.

Oleh itu, kematian Kristus mempunyai nilai yang amat tinggi, kerana menjambatani jurang yang wujud di antara Tuhan dan manusia. Perhatikan lagi perkara yang berlaku.

#### **Keadaan Manusia:**

Manusia dihukum oleh dosa Adam dan dosanya sendiri, dan tidak berdaya untuk melakukan apa-apa untuk menyelamatkan diri sendiri, kerana manusia berada di bawah hukuman mati.

#### **Pendirian Tuhan:**

Tuhan diikat oleh kesucian-Nya untuk menghukum kejahatan. Jika tidak menjalankan hukuman, Dia melanggar sifat-Nya sendiri. Tetapi kerana Dia adalah kasih, Dia hendak menyelamatkan manusia daripada hukuman mati.

## Penyelesaiannya:

Kristus, Anak Tuhan menjelma menjadi manusia, menjalani hidup yang tidak berdosa, lalu mati bagi pihak kita. Kematian-Nya sebagai korban dan pengganti membolehkan kita mendapat penyelamatan.

Lihatlah gambar rajah yang lengkap. Ini menunjukkan kematian Kristus menyelesaikan keadaan serba salah yang rumit itu.

Suci	TUHAN	Pengasih
Pengganti Korban	KRISTUS	Pengganti Korban
Berdosa	ORANG	Tak Berdaya

## HASIL KAYU SALIB

Kematian Yesus Kristus pada 2,000 tahun yang lalu bukan hanya perbuatan yang sungguh berani dan menarik perhatian sekumpulan orang agamawan yang mempunyai pandangan yang unggul-unggul. Kematian-Nya juga bukan pernyataan kelemahan.

---

*Jika kita boleh mendapatkan penyelamatan kita sendiri, maka Kristus tidak perlu mati untuk menyediakannya.*

---

Penyelamatan-Nya adalah penuh kasih, berani, dan tidak gentar pada kematian. Hasilnya,

orang yang percaya kepada Yesus Kristus diubah dalam perhubungannya dengan Tuhan. Dia diubah dalam perhubungannya terhadap dosanya sendiri. Dan masa depannya diubah, baik untuk hidup masa kini dan hidup masa akan datang.

Perubahan itu dihuraikan dalam empat konsep asas yang menunjukkan hasil perbuatan Kristus untuk kita. Berikut adalah apa yang menjadi milik kita sebaik sahaja kita menerima kematian Kristus yang menjadi korban dan pengganti kita.

## **I. PERDAMAIAN:**

**Kita berdamai dengan Tuhan.** Ketika Yesus Kristus mati di kayu salib, Dia membuka jalan bagi kita untuk didamaikan dengan Tuhan dan dipulihkan hubungan dengan Dia melalui iman kepada Kristus. Permusuhan berubah

menjadi persahabatan, pengasingan berubah menjadi pemberian hak sebagai anak, penentangan berubah menjadi iman, dan kebencian berubah menjadi kasih kerana pengorbanan Kristus di kayu salib (Roma 5:1, 10; 2 Korintus 5:18-20; Efesus 2:16; Kolose 1:20-22).

## **2. PEMBENARAN:** **Kita diisytiharkan benar di sisi Tuhan.**

Apabila Yesus Kristus mati, Dia menanggung hukuman kita. Oleh itu, apabila kita percaya kepada-Nya, hukuman dosa tidak lagi kita tanggung (Roma 3:24; 4:5; 5:1, 9; 8:30-31; Titus 3.4-7).

## **3. PENEBUSAN:** **Kita ditebus daripada dosa dan hukuman.**

Kematian Kristus juga bererti kita telah dibeli daripada belenggu dosa dan Iblis. Harga tebusan daripada dosa kita sudah dibayar lunas (Matius 20:28; Roma

3:24; 1 Korintus 1:30; Galatia 3:13; 4:4-5; Efesus 1:7; Kolose 1:14; Titus 2:14; Ibrani 9:12; 1 Petrus 1:18-19).

#### **4. PEMBEBASAN: Kita dibebaskan daripada kemurkaan**

**Tuhan.** Hal ini berlaku kerana korban yang layak telah dipersembahkan bagi pihak kita. Korban itu dipersembahkan untuk menunaikan tuntutan Tuhan, iaitu menjauhkan kemurkaan-Nya daripada kita (Roma 3:25; Ibrani 2:17; 1 Yohanes 2:2; 4:10).

## **PERTENTANGAN DALAM KAYU SALIB**

**P**ertentangan dalam semua ini adalah sesuatu yang buruk seperti kayu salib—sesuatu yang cukup menjijikkan sehingga menyebabkan orang menolak Manusia terbaik yang pernah

hidup—sebenarnya Dia yang menjadi satu-satunya harapan untuk menyelamatkan kita daripada ketidakberdayaan kita secara rohani. Itulah yang dikatakan oleh Alkitab, dan itulah yang disahkan oleh Kristus apabila Dia bangkit dengan kemenangan daripada kematian.

Kayu salib bukan kesilapan. Itu bukan kehidupan baik yang melalui masa susah. Pertentangan dalam kayu salib adalah (1) itulah contoh yang terbaik bagi kasih Tuhan, dan bahawa (2) dalam kematian, Kristus juga menunjukkan cara hidup kita. Perkara pertama dalam pertentangan ini adalah:

## **KEMATIAN KRISTUS MENYATAKAN KASIH TUHAN**

Kebenaran agung daripada ayat Alkitab yang paling diketahui ramai dan ayat tercinta adalah kayu salib

merupakan bukti bagi kasih Tuhan.

*Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal (Yohanes 3:16).*

Satu ayat yang serupa adalah, “Dengan jalan ini kita mengetahui cara mengasihi orang lain: Kristus sudah menyerahkan hidupnya untuk kita” (1 Yohanes 3:16).

Ada orang mencari kasih Tuhan dalam alam semula jadi. Tetapi mereka tidak akan mendapat jaminan untuk menemukannya di sana, kerana mesej daripada alam yang dicipta memberi mesej yang bertentangan. Kadangkala alam semula jadi seolah-olah memberitahu kita bahawa Tuhan itu sangat mengasihi orang. Kehangatan matahari,

hujan renyai-renyai, bunga yang mekar di padang, dan penjagaan lembu atas anak lembu seolah-olah berkata, “Tuhan itu kasih.”

Bagaimanapun, pada masa yang lain pula, mesej alam semula jadi adalah bertentangan dengan semua itu. Matahari dan kemarau menjadikan tanah keras dan tidak berhasil. Angin ribut yang sangat kuat dan berpusing-pusing tiba-tiba menderu dari langit yang gelap tanpa sebarang amaran. Anak-anak arnab di dalam sarang dibunuh oleh kucing atau serigala pada waktu malam. Atau gunung berapi yang meletup memusnahkan seluruh kampung, membunuh ratusan orang dan menjadikan ribuan orang kehilangan tempat tinggal. Tidak, kasih Tuhan tidak selalunya boleh dilihat dalam alam semula jadi.

Kasih Tuhan pun tidak jelas dipaparkan dalam

---

***Di kayu salib,  
kita melihat  
penyataan yang  
terbaik akan  
kasih Tuhan,  
dan penyataan  
yang terburuk akan  
dosa kita.***

---

sejarah. Satu keluarga pendatang dari Vietnam atau Korea yang tiba di Amerika Syarikat mungkin berkata kedatangan mereka ke sana membuktikan bahawa Tuhan mengasihi mereka. Tetapi jika anda berbual dengan seorang ibu muda dengan tiga orang anak, dan suaminya baru saja dibunuh oleh perampas kapal terbang, mungkin dia mencemuh dengan perasaan pahit terhadap pendapat bahawa Tuhan mengawal segala kejadian. Ramai orang Yahudi yang mengalami

pembunuhan beramai-ramai yang ngeri di kem tahanan Auschwitz (Poland) atau Dachau (Jerman) juga akan menolak pendapat bahawa kasih Tuhan dinyatakan dalam sejarah.

Oleh itu, apabila orang Kristian bercakap tentang kasih Tuhan yang dinyatakan, mereka mesti menunjuk kepada perkara lain sebagai bukti. Menurut Alkitab, bukti itu adalah kayu salib. Oleh sebab Yesus Kristus ialah Anak Tuhan, kematian-Nya adalah pengisytiharan yang sangat mendalam akan kasih Tuhan.

Tuhan telah menyatakan kasih-Nya kepada kita—tetapi dengan harga yang tinggi. Dalam diri Yesus Kristus, Tuhan menjadi anggota keluarga manusia. Dia menjalani seluruh hidup-Nya tanpa berbuat dosa. Kemudian, meskipun Dia sendiri tidak bersalah, Dia mati dengan amat kejam untuk mendapatkan

penyelamatan bagi kita.  
Kegemilangan kasih Tuhan  
yang mengagumkan bersinar

---

**Oleh sebab  
Yesus Kristus ialah  
Anak Tuhan,  
kematian-Nya adalah  
pengisytiharan yang  
sangat mendalam  
akan kasih Tuhan.**

---

menembusi kegelapan  
yang mengelilingi Kalvari,  
pada hari penyaliban-Nya.  
Fikirlah sejenak tentang  
penderitaan yang dialami  
oleh Kristus, dan ingatlah  
bahawa semua itu adalah  
kerana kita.

**Rasalah kagum**  
sementara Dia menderita di  
hadapan Tuhan Bapa-Nya di  
Getsemani sehingga peluh-  
Nya menitis bagaikan darah  
ke tanah.

**Ikutlah dengan  
rasa takut** sementara

Dia ditangkap seperti  
penjenayah, dicambuk oleh  
tentera Roma, dan dianiaya,  
diolok-olok, dan diejek  
dengan mahkota duri.

**Tangisilah Dia**  
sementara Dia tersandung  
kerana memikul batang  
kayu yang berat ke tempat  
pelaksanaan hukuman mati  
terhadap-Nya.

**Berasa jijik** sementara  
melihat tentera Roma  
yang kejam memakukan  
pacak pada tangan-Nya,  
melantakkan paku pada  
kaki-Nya, dan menegakkan  
batang kayu dengan kasar.

**Dengarlah akan Dia**  
sementara Dia tergantung  
di kayu salib, mendoakan  
musuh-musuh-Nya,  
bercakap dengan kasih  
kepada ibu-Nya, dan  
menjanjikan penyelamatan  
kepada penjenayah yang  
bertaubat.

**Berdiamlah** sementara  
anda melihat langit menjadi  
gelap pada tengah hari, dan  
semasa anda melalui



3 jam kegelapan yang menyeramkan pada waktu siang hari.

**Dengarlah** seruan-Nya kerana Dia ditinggalkan, “Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?”

**Ingatlah** bahawa di kayu salib, Yesus menanggung penyeksaan yang amat berat kerana anda dan saya. Tuhan ialah Bapa-Nya. Dia telah bersama-sama Yesus di sepanjang kekekalan dalam hubungan yang amat rapat, hubungan yang jauh lebih intim daripada fahaman kita. Namun, inilah yang dilakukan oleh Bapa kepada-Nya: “Kristus tidak berdosa, tetapi demi kebaikan kita, Allah meletakkan dosa kita pada Dia. Dengan demikian kita berbaik semula dengan Allah, apabila kita bersatu dengan Kristus” (2 Korintus 5:21).

Pertentangan yang kedua pula adalah:

## **KEMATIAN KRISTUS MENUNJUKKAN CARA KITA HIDUP**

Bukan sahaja kayu salib memberi kita bukti yang terbaik tentang kasih Tuhan, tetapi kayu salib juga memberi kita prinsip rohani untuk kehidupan. Kasih yang membawa Yesus Kristus kepada pengorbanan yang tiada tandingannya, menjadi contoh bagi kita.

Kita harus mengasihi sebagaimana Dia mengasihi; hidup sebagaimana Dia hidup. Tuhan Yesus memikirkan kayu salib pada malam sebelum Dia disalibkan, apabila Dia memberitahu para pengikut-Nya, “Sekarang Aku memberikan perintah baru kepada kamu: Hendaklah kamu saling mengasihi. Sebagaimana Aku sudah mengasihi kamu, hendaklah kamu saling mengasihi” (Yohanes 13:34). Kasih Kalvari harus menjadi ukuran kasih kita.

---

**“Kristus sendiri sudah menanggung penderitaan untuk kamu, dan memberi kamu satu teladan, supaya kamu mengikut jejak-Nya.”**

**1 Petrus 2:21**

---

Yesus Kristus juga ingat akan kematian-Nya di kayu salib apabila Dia mengatakan ini:

*Jika sebiji benih gandum tidak ditanam di tanah lalu mati, benih gandum itu tetap sebiji benih sahaja. Tetapi jika benih itu ditanam lalu mati, maka benih itu akan tumbuh dan menghasilkan banyak gandum. Sesiapa yang mengasihi hidupnya sendiri akan kehilangan hidup itu. Tetapi sesiapa yang tidak mengasihi*

*hidupnya di dunia ini akan memilikinya untuk hidup sejati dan kekal. Sesiapa yang mahu mengabdikan diri kepada-Ku harus mengikut Aku, supaya dia boleh bersama-sama Aku di tempat Aku berada. Bapa-Ku akan menghormati orang yang mengabdikan diri kepada-Ku (Yohanes 12:24-26).*

Inilah hukum tuaian:

Benih mesti mati sebelum dapat mengeluarkan tanaman. Yesus Kristus ialah “benih” yang harus mati. Namun, kematian-Nya membentuk kehidupan rohani bagi semua yang hendak percaya kepada-Nya. Kitalah hasil daripada penderitaan dan kematian-Nya.

Tetapi hukum kematian untuk menghasilkan kehidupan tidak berakhir dengan kayu salib Kristus. Yesus mengisytiharkan bahawa ini juga diterapkan

pada para pengikut-Nya. Kita mesti mengambil jalan salib, jalan yang mengharuskan kita mati terhadap keinginan diri sendiri, jika kita hendak menghasilkan buah atas sebab kita diciptakan Tuhan (Efesus 2:8-10).

Rasul Paulus melihat prinsip ini dalam kematian Kristus. Dia berulang kali berkata tentang disalibkan bersama-sama Kristus, mati terhadap diri sendiri, dan berjalan mengikut jalan Kalvari. Dengan keyakinan yang mendalam, dia menulis, "Tetapi aku hanya mahu membanggakan Tuhan kita Yesus Kristus yang sudah mati pada kayu salib. Oleh sebab Kristus sudah mati pada kayu salib, dunia ini tidak bererti apa-apa lagi bagiku. Aku seolah-olah sudah mati terhadap dunia ini" (Galatia 6:14).

Oleh sebab kayu salib Kristus adalah ilham dan keyakinan Paulus, dia boleh

mengetepikan sistem dunia sebagai sesuatu yang tidak berguna dan mati. Dia tidak melihat apa-apa yang menarik dalam sistem itu.

Apabila kita hidup menurut hukum penuaian, kita akan berhasil dalam pelayanan kita untuk Kristus. Dengan mengikut teladan-Nya, mula-mula kita mesti mati terhadap kepentingan diri sendiri. Apabila kita berbuat demikian, maka kita dapat berkata bersama dengan Paulus, "Aku sudah disalibkan bersama-sama Kristus. Yang hidup sekarang ini bukanlah aku, tetapi Kristus yang hidup dalam diriku. Hidup yang aku hayati sekarang ini adalah hidup dengan iman kepada Anak Allah yang mengasihi aku dan yang telah mengorbankan diri-Nya untuk aku" (Galatia 2:20).

Di sinilah juga pertentangan dalam kayu salib itu. Bukan saja kayu

salib memberikan kehidupan Tuhan kepada kita, tetapi juga membawa kehidupan kita kepada Tuhan.

---

*“Aku sudah disalibkan bersama-sama Kristus. Yang hidup sekarang ini bukanlah aku, tetapi Kristus yang hidup dalam diriku. Hidup yang aku hayati sekarang ini adalah hidup dengan iman kepada Anak Allah yang mengasihi aku dan yang telah mengorbankan dirinya untuk aku.”*

Rasul Paulus  
Galatia 2:19-20

---

## LATAR BELAKANG KAYU SALIB

**K**ita beruntung kerana dapat mengimbas semula kayu salib dan melihatnya dengan sudut pandangan yang betul. Para pengikut Kristus yang mula-mula tidak mempunyai peluang ini. Bagi mereka, penyaliban berlaku sebagai satu malapetaka yang ngeri dan menghancurkan hati. Pemimpin mereka yang dikasihi sudah meninggal. Harapan mereka untuk mendapat kerajaan yang diperintah oleh Mesias telah lenyap. Musuh mereka bersorak. Mereka terkejut dengan peristiwa yang terjadi tanpa disangka-sangka. Hanya beberapa lama kemudian, setelah Kristus mengejutkan mereka dengan kehadiran-Nya selepas kebangkitan-Nya, barulah para pengikut itu mula mengerti bahawa Perjanjian

Lama menunjuk kepada kayu salib dan juga kepada suatu kerajaan. Hanya pada waktu itu mereka mula melihat bahawa Kristus harus menunaikan peranan Hamba yang menderita sebelum Dia dapat kembali sebagai Raja yang dijanjikan.

Yesus yang sudah bangkit menjelaskan kepada para pengikut-Nya yang sedang kehairanan bahawa kayu salib itu merupakan sebahagian daripada rancangan Tuhan. Pertama, Dia menunjukkan bekas luka-Nya kepada mereka. Kemudian Dia berkata, “Inilah perkara-perkara yang telah Aku beritahu kamu tatkala Aku masih bersama-sama kamu: Setiap perkara yang tertulis tentang diri-Ku di dalam Taurat Musa, Kitab Nabi-Nabi dan Mazmur mesti berlaku” (Lukas 24:44). Dia membuka minda mereka kepada gambaran dan nubuat di dalam Perjanjian Lama tentang

---

*“Demikianlah  
dengan satu korban,  
untuk selama-  
lamanya Dia  
menyempurnakan  
orang yang sudah  
disucikan  
daripada dosa.”*

**Ibrani 10:14**

---

kematian-Nya (ayat 45).  
Misalnya:

### **NUBUAT KEMATIAN KRISTUS DI DALAM PERJANJIAN LAMA**

- Kejadian 3:15—  
Keturunan perempuan dipatuk
- Mazmur 16:10—Mesias tidak dibiarkan di dalam kubur
- Mazmur 22:2—Mesias berseru kerana ditinggalkan Tuhan
- Mazmur 22:7-9—Mesias dihina

- Mazmur 22:16—Mesias haus
- Mazmur 22:17—Tangan dan kaki Mesias dipaku
- Mazmur 22:18—Musuh Mesias memandang Dia sebagai tontonan
- Mazmur 22:19—Membuang undi untuk pakaian Mesias
- Mazmur 69:22—Cuka diberi kepada Mesias
- Yesaya 49:7—Hamba Tuhan dihina
- Yesaya 50:6—Mesias didera secara fizikal
- Yesaya 52:14—Muka Mesias dicacati
- Yesaya 53:5—Mesias ditikam kerana dosa kita
- Yesaya 53:7—Mesias berdiam diri di hadapan penuduh-Nya
- Yesaya 53:9—Kubur Mesias antara kubur orang kaya
- Yesaya 53:12—Mesias dianggap sama dengan penjenayah
- Daniel 9:26—Dia yang dipilih oleh Tuhan

dibunuh

- Zakharia 12:10—Mesias “ditikam” oleh Israel
- Zakharia 13:7—Gembala diserang

## **GAMBARAN KEMATIAN KRISTUS DI DALAM PERJANJIAN LAMA**

Pembayang bagi kayu salib terdapat di dalam tiga gambaran Perjanjian Lama.

**Korban.** Kematian Kristus untuk menggantikan manusia sering digambarkan di dalam Perjanjian Lama oleh sistem persembahan korban. Kulit binatang yang diberi kepada Adam dan Hawa dilihat oleh ramai pengkaji Alkitab sebagai daya usaha yang mula-mula daripada Tuhan untuk memperuntukkan korban bagi dosa manusia (Kejadian 3:21). Korban Paska adalah gambaran utama tentang pembebasan melalui darah anak domba yang tercurah (Keluaran 12; Imamat 23;

1 Korintus 5:7; 1 Petrus 1:19). Yohanes Pembaptis mengaitkan korban binatang dan Yesus Kristus apabila Yohanes Pembaptis berseru, “Lihatlah Anak Domba Allah yang menghapus dosa dunia!” (Yohanes 1:29). Penjelasan yang terperinci diberi di dalam Ibrani 9:11–10:18.

---

**“Lihatlah  
Anak Domba Allah  
yang menghapus  
dosa dunia!”**

**Yohanes 1:29**

---

---

**Ular Gangsa.** Israel disiksa dengan gigitan ular kerana ketidaktaatan mereka. Dengan perintah Tuhan, seekor ular yang diperbuat daripada gangsa diletakkan di hujung sebatang kayu, lalu didirikan di bahagian tengah perkhemahan. Semua

orang yang memandangi ular gangsa tersebut disembuhkan daripada gigitan ular (Bilangan 21:4-9).

Kristus akan “ditinggikan” dan semua orang yang memandangi Dia dengan iman akan mengalami penyembuhan rohani (Yohanes 3:14-15).

**Yunus.** Yesus mengajar bahawa pengalaman Yunus di dalam perut ikan besar selama 3 hari dan 3 malam menjadi gambaran kematian, penguburan, dan kebangkitan-Nya sendiri (Matius 12:39-41).

Oleh itu, melalui nubuat dan gambaran, Perjanjian Lama menantikan kematian Kristus. Penyaliban-Nya bukan lencongan yang tidak diduga dalam perancangan Tuhan. Sebaliknya, itulah sebabnya Dia datang.

## KATA-KATA DARI KAYU SALIB

**S**emasa Kristus hampir meninggal pun, Dia masih mengajar kita bagaimana untuk menjalani kehidupan. Tujuh pernyataan yang tercatat dan disampaikan dari kayu salib memberi kita tujuh pelajaran yang mendalam bagi kehidupan.

**1** *“Ya Bapa, ampunilah mereka! Mereka tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh mereka”* (Lukas 23:34). Mengampuni lebih baik daripada membalas dendam.

**2** *“Percayalah, pada hari ini kamu akan bersama-sama Aku di Firdaus”* (Lukas 23:43). Iman penjahat yang seorang lagi di kayu salib dibalas dengan janji Yesus.

**3** *“Puan, dia anak puan... Dia ibumu”* (Yohanes 19:26-27). Keperluan kita sendiri tidak seharusnya lebih penting daripada keperluan orang lain.

**4** *“Ya Allah-Ku, ya Allah-Ku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?”* (Markus 15:34). Apa sahaja yang membahayakan perhubungan kita dengan Tuhan seharusnya menimbulkan keseksaan jiwa.

**5** *“Aku dahaga”* (Yohanes 19:28). Kata-kata ini diungkapkan untuk menepati nubuat, dan mengingatkan kita tentang kewibawaan Alkitab.

**6** *“Sudah selesai!”* (Yohanes 19:30). Jangan biarkan diri anda hilang tumpuan pada sasaran untuk melakukan kehendak Tuhan.



7 “Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu” (Lukas 23:46). Dalam penderitaan anda, amanahkan diri anda kepada Tuhan.

## PENDAKWAAN KAYU SALIB

**D**i dalam Alkitab, terdapat kata-kata yang mengejutkan dan memberikan keterangan terhadap kejahatan manusia sampai selamanya. Ketika menggambarkan pembunuhan Yesus Kristus, para penulis kitab Berita Baik menggunakan kenyataan, “Mereka menyalibkan Dia.” Belum pernah ada seorang Peribadi yang tidak bersalah menanggung penghinaan dan kebencian manusia yang sedahsyat itu. Seluruh proses tersebut merupakan pendedahan dosa manusia yang menggerunkan.

*Pertama*, terdapat

kebencian kerana iri hati daripada para pemimpin agama Israel. Golongan Farisi, Saduki, dan guru-guru agama bergabung untuk mencemarkan nama baik Yesus (Matius 22:15-46). Mereka berasa geram terhadap diri-Nya yang disukai ramai (Matius 21:45-46; Yohanes 12:19). Mereka berkata mukjizat yang dilakukan-Nya adalah pekerjaan Iblis (Matius 12:22-30). Mereka berasa gerun kerana Dia menyambut orang biasa (Lukas 15:1-2). Mereka membenci Yesus kerana Dia mendedahkan kemunafikan mereka (Matius 15:1-14). Walaupun mereka dipandang sebagai pemimpin rohani Israel, mereka membuat tuduhan palsu, menjalankan perbicaraan yang menyalahi undang-undang, menghukum, dan menyalibkan Dia yang diutus oleh Tuhan (Matius 26-27).

**Kedua**, terdapat pengkhianatan kerana ketamakan Yudas. Sebagai salah seorang pengikut Yesus, dia berkongsi dalam kehidupan dan pelayanan Yesus. Yudas telah mengalami pengajaran, mukjizat, dan pekerjaan Penyelamat yang dilakukan dengan segenap jiwa raganya. Tetapi akhirnya, Yudas memilih untuk mengkhianati Yesus. Sebagai bendahari bagi dua belas orang pengikut, dia sering mencuri daripada tabung mereka (Yohanes 12:6). Oleh itu, tidak hairanlah apabila dia menjual jiwanya sendiri dan juga Penyelamat, dengan hanya 30 keping wang perak (Matius 26:14-16).

**Ketiga**, terdapat ketakutan yang licik daripada Pontius Pilatus, gabenor Palestin yang dilantik oleh Kaisar. Dia dibenci oleh para pemimpin Yahudi. Dia tahu mereka cuba mempengaruhi

pendiriannya supaya dia membunuh Yesus, dan dia cuba menolaknya. Namun, semua usahanya untuk menentang mereka gagal. Walaupun dia mengumumkan kepada khalayak ramai bahawa Kristus tidak bersalah, dia tidak membebaskan Kristus. Dia menyerah kepada tekanan, lalu memberi perintah agar Kristus disalibkan.

---

***“Pilatus hendak membebaskan Yesus. Oleh itu Pilatus berseru lagi kepada orang ramai. Tetapi mereka berseru, ‘Salibkan dia! Salibkan dia!’ ”***

**Lukas 23:20-21**

---

**Keempat**, terdapat kemahuan yang berubah-ubah daripada orang ramai. Beberapa hari yang lalu, orang ramai telah berseru, “Pujilah bagi Anak Daud,” semasa Kristus masuk ke kota Yerusalem. Tetapi kini mereka mendesak agar Kristus dibunuh, dan berteriak, “Salibkan Dia! Salibkan Dia!”

**Kelima**, terdapat kekejaman tentera Roma. Mereka menanggalkan pakaian-Nya dan memukul Dia. Mereka mengejek Dia. Mereka meludahi Dia. Mereka membuat mahkota daripada ranting-ranting berduri dan mengenakannya pada kepala Yesus. Mereka membawa Dia pergi, ketika Dia masih cedera dan berdarah, lalu menyalibkan Dia. Betapa dahsyatnya perbuatan mereka!

Kini, kita ingin cepat-cepat menghukum mereka yang melakukan semua itu. Tetapi marilah bersikap jujur.

Perbuatan kejam terhadap Anak Tuhan yang tidak bersalah itu menyatakan hal yang benar dalam hidup kita semua juga. Semua itu menunjukkan keburukan dosa kita sendiri.

## PANGGILAN KAYU SALIB

**P**andanglah lagi pada kayu salib. Pandanglah Dia yang mati di sana. Dia tidak pernah berbuat dosa, namun Dia disalibkan untuk menanggung hukuman dosa seluruh dunia. Dia mati di sana bagi pihak anda. Sepatutnya, andalah yang disalibkan.

Itu pemandangan yang buruk dan dahsyat, bukan? Itu menunjukkan kepada kita betapa teruknya dosa, dan betapa tingginya harga yang harus dibayar untuk membebaskan kita daripada hukuman. Jika anda seorang Kristian,

merenung semula tentang kayu salib seharusnya memenuhi hati anda dengan kesyukuran atas apa yang dilakukan oleh Kristus untuk anda di sana. Sebagai korban dan pengganti anda, Dia memungkinkan anda untuk diampuni dan diselamatkan daripada dosa anda. Mengapa anda tidak memberi Dia ucapan syukur pada saat ini? Kemudian bertekadlah untuk hidup dalam ketaatan kepada Tuhan.

Jika anda bukan seorang Kristian, mahukah anda percaya dan menerima Dia sebagai Penyelamat anda? Dosa anda adalah suatu kenyataan. Anda tidak dapat melakukan apa-apa tentang hal ini—kecuali percaya kepada Yesus Kristus. Jangan tunggu lagi. Beritahulah Dia bahawa anda percaya kepada-Nya sebagai Penyelamat peribadi anda. Mohonlah kepada-Nya untuk

menyelamatkan anda. Dia pasti melakukannya untuk anda kerana itulah sebabnya Dia mati di kayu salib yang amat menyeksakan. Dialah korban untuk anda. Dia membayar hukuman dosa anda. Percayalah kepada-Nya sekarang!

---

***“Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal.”***

**Yohanes 3:16**

---

# KEPUASAN KAYU SALIB

*Oleh Darlene Lehman  
sebagaimana diceritakan  
kepada Judith Fabisch*

**S**ingat saya, saya sentiasa ingin diterima oleh Tuhan. Keluarga kami kuat dalam agama. Nenek tidak pernah memaksa saya pergi ke gereja pada hari Ahad atau Hari-hari Suci yang lain.

---

***“Saya sangat  
menginginkan  
pengampunan Tuhan,  
tetapi Dia seolah-  
olah sentiasa  
sangat jauh.”***

---

Selepas sekolah, saya sering berhenti di gereja besar yang tenang dan bercahaya pudar dekat rumah kami, dan berlutut di salah

sebuah bangku kosong. Itu merupakan ibadah yang penuh penderitaan. Saya sangat menginginkan pengampunan Tuhan, tetapi Dia seolah-olah sentiasa sangat jauh.

Semasa saya berumur kira-kira 10 tahun, biskop melawat gereja besar kami. Semasa dia di sana, dia memberkati air suci. Nenek menyuruh saya mengambil sebotol air suci tersebut untuk dimasukkan ke dalam bekas kaca kecil yang diletakkan di beberapa tempat di dalam rumah kami. Saya berlari di sepanjang jalan ke gereja besar, tetapi saya berjalan pulang dengan perlahan. Saya sedang berfikir, dan saya sangat ingin diterima oleh Tuhan. Lalu saya mengikut gerak hati dan minum air suci tersebut! Nenek tidak dapat memarahi saya kerana dia memahami rasa bersalah dan keinginan yang terkandung di dalam

hati seorang anak gadis. Tetapi saya masih tidak puas hati.

Semasa di sekolah menengah, amalan agama ini tidak menghilangkan kehausan yang ada di dalam jiwa saya, tetapi saya segera sibuk dengan pelajaran, kawan-kawan, dan berjanji temu dengan kaum lelaki. Dalam setahun selepas menamatkan pengajian, saya bertemu dan berkahwin dengan Dick. Tidak lama selepas itu, rutin saya sudah tetap dalam mengurus rumah tangga dan keluarga.

Walaupun saya mengasahi suami dan keluarga, saya semakin merindukan ketenangan rohani. Saya meningkatkan pengabdian saya kepada gereja saya, menghadiri ibadah dengan setia, sambil melakukan lebih banyak untuk mendapatkan restu Tuhan. Tetapi saya masih pulang dengan kekosongan. Bahkan saya pernah

menghadiri kebaktian penginjilan di bandar. Tetapi saya tidak memahami apa yang disampaikan, oleh itu saya balik dengan hampa dan kecewa. Saya sudah bersedia untuk melakukan apa saja untuk menyenangkan hati Tuhan.

Saya merayu kepada Tuhan. Saya berseru kepada-Nya. Saya sungguh-sungguh meminta kepada-Nya untuk menyatakan diri kepada saya. Dan akhirnya persoalan saya dijawab dengan cara yang tidak disangka-sangka—melalui ibu mertua saya. Dia diliputi ketenangan, dan dia selalu sangat baik hati. Oleh itu, apabila dia mengajak saya untuk menghadiri satu perkumpulan kelab wanita Kristian, saya mengikutnya dengan senang hati. Seorang mubaligh berkhutbah dengan menggunakan istilah yang jelas, penuh kasih dan mudah difahami, lalu memimpin kami ke kayu salib.

---

***“Saya merayu  
kepada Tuhan.  
Saya berseru  
kepada-Nya.  
Saya sungguh-  
sungguh meminta  
kepada-Nya untuk  
menyatakan diri  
kepada saya.  
Dan akhirnya  
persoalan saya  
dijawab dengan  
cara yang tidak  
disangka-sangka.”***

---

Maka untuk kali yang pertama, saya mengerti maksud kematian Kristus—puji Tuhan! Saya menyadari bahawa saya seharusnya datang ke tempat ini—ke kayu salib—sejak dahulu. Saya tahu bahawa kehausan jiwa saya akan dipuaskan di sini. Saya menyambut

kasih dan pengampunan Tuhan. Dengan air mata kegembiraan, saya percaya kepada Kristus dan pengorbanan-Nya untuk saya.

Sejak itu, tahun-tahun seterusnya tidaklah senang. Lama-kelamaan, saya meninggalkan gereja saya kerana upacaranya yang tidak bererti apa-apa. Saya bertumbuh cepat dalam Kristus dan dalam komitmen saya kepada-Nya.

---

***“Saya menyedari  
bahawa saya  
seharusnya datang  
ke tempat ini—  
ke kayu salib—  
sejak dahulu.  
Saya tahu  
bahawa kehausan  
jiwa saya akan  
dipuaskan di sini.”***

---

Dick tidak memahami perkara ini, dan akhirnya dia meninggalkan saya. Namun, Tuhan telah menabahkan hati saya dan anak-anak selama bertahun-tahun.

Kedamaian dan kepuasan hati yang saya peroleh di kayu salib amat nyata—jauh lebih besar daripada apa pun yang boleh ditemukan di dalam sebotol air suci. Pengampunan dosa dan penerimaan oleh Tuhan yang suci hanya boleh ditemukan di kayu salib.